



MAJLIS GURU CEMERLANG SEJARAH
CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

KERTAS CADANGAN
PROGRAM EKSPLORASI SEJARAH SPM 2010

1.0 PENDAHULUAN

Program Ekplorasi Sejarah MTD–JPWPKL 2010 merupakan program bagi meningkatkan penguasaan, kemahiran dan penghayatan terhadap mata pelajaran Sejarah SPM. Program ini dirancang bagi menyediakan putera Maktab Tentera Diraja dan murid-murid JPWPKL menghadapi peperiksaan SPM 2010. Program ini mengaplikasi pembelajaran koperatif iaitu aktiviti pembelajaran murid dilaksanakan secara perbincangan, latihan terancang dan kursus kemahiran menjawab soalan. Fokus kurikulum dalam program ini menekankan sub tajuk fokus SPM 2010 bagi Tingkatan 4 dan 5. Program ini diharapkan dapat meningkatkan kemahiran teknik menjawab soalan objektif, struktur dan esei mata pelajaran Sejarah SPM disamping memangkin persaingan yang positif dikalangan murid. Malahan program ini mampu memangkin motivasi, mencabar potensi dan menghasilkan pembelajaran yang tuntas dan efektif.

2.0 RASIONAL

Mencapai prestasi cemerlang dalam mata pelajaran sejarah bagi peperiksaan SPM 2010.

3.0 OBJEKTIF

Mencapai 100% A dalam mata pelajaran Sejarah dalam SPM 2010 dengan:

- 3.1 Menguasai teknik belajar cara belajar sejarah yang pelbagai.
- 3.2 Meningkatkan penguasaan murid terhadap mata pelajaran Sejarah.
- 3.3 Meningkatkan kemahiran teknik menjawab soalan peperiksaan.
- 3.4 Mengulangkaji pelajaran Sejarah secara terancang.
- 3.5 Belajar Sejarah secara santai dan kreatif.
- 3.6 Membudayakan kaedah pembelajar sendiri.
- 3.7 Memupuk minat dan persaingan positif dalam kalangan murid.
- 3.8 Mengamal gaya pembelajaran aktif.
- 3.9 Memupuk kemahiran interaksi sosial bagi melahirkan murid yang global.

4.0 KUMPULAN SASARAN

- 4.1 216 orang murid Tingkatan Lima MTD
- 4.2 216 orang murid Tingkatan Lima daripada 51 buah sekolah Zon Pudu dan Bangsar (4 orang murid prestasi tinggi daripada setiap sekolah) kecuali SMK Sungai Besi (16 peserta).
- 4.3 216 murid Tingkatan Lima daripada 51 buah sekolah Zon Sentul dan Keramat (4 orang murid prestasi tinggi daripada setiap sekolah) kecuali SMK Putri Ampang (20 peserta).

5.0 PELAKSANAAN

Perincian dan Pelaksanaan program adalah seperti jadual berikut:

<i>Tarikh</i>	<i>Perincian Aktiviti</i>	<i>Catatan</i>
Februari-Julai	<p>5.1 Aktiviti Pra-Program Eksplorasi Sejarah</p> <p>5.1.1 Menyediakan kertas kerja</p> <p>5.1.2 Menyiapkan Modul E-Fokus, Modul latihan, Modul Eksplorasi</p> <p>5.1.3 Menghantar surat jemputan ke sekolah terpilih berserta borang pendaftaran automatik yang mengandungi nombor kumpulan peserta (PPD PB 14 Jun 2010)</p> <p>5.1.4 Memasukan Modul Eksplorasi dan borang pendaftaran automatik kedalam laman blog MGCM Sejarah untuk capaian semua peserta sekolah JPWPKL</p> <p>5.1.5 Memberi taklimat kepada kepada putera mengenai pelaksanaan program.</p> <p>5.1.6 Pembentukan 54 kumpulan, setiap kumpulan terdiri 4 putera MTD dan 4 murid dari sekolah JPWPKL. Ketua kumpulan MTD akan memantau persiapan ahli kumpulan bagi mengelakkan keciciran.</p> <p>5.1.7 Membimbing dan memberi kemahiran melengkapkan Modul latihan, Modul Eksplorasi, e-Fokus, dan latihan sebagai fasilitator.</p> <p>5.1.8 Putera MTD akan melengkapkan Modul latihan sebagai latihan kemahiran teknik menjawab soalan dan merancang pembelajaran berjadual.</p> <p>5.1.9 Putera MTD juga akan melengkapkan Eksplorasi Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 bagi mendapat kemahiran mengingat dan belajar cara belajar Sejarah dengan menggunakan</p>	

<i>Tarikh</i>	<i>Perincian Aktiviti</i>	<i>Catatan</i>
	<p>pelbagai kaedah belajar, mengingat dan mencatat secara kreatif mengikut gaya belajar sendiri bermula pada 1 Februari.</p> <p>5.1.10 Prestasi murid berdasarkan pencapaian Modul e-Fokus, pemerhatian dan ujian lisan.</p> <p>5.1.11 Menyediakan dewan yang kondusif untuk pembelajaran koperatif.</p>	
14 dan 15 Julai 2010	<p>5.2 Aktiviti Semasa Program Eksplorasi Sejarah</p> <p>5.2.1 Sesi bersama Pegawai Pendidikan JPWPKL /Pengarah Pengajian selama 10 minit.</p> <p>5.2.2 Taklimat perjalanan program selama 10 minit.</p> <p>5.2.3 Taklimat teknik menjawab soalan objektif, struktur dan esei selama 1 jam.</p> <p>5.2.4 Taklimat fokus SPM Sejarah 2010 selama 20 minit.</p> <p>5.2.5 Bengkel dalam kumpulan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ketua kumpulan mengadakan sesi pengenalan lima minit. ii. Penyemakan Modul Eksplorasi fasilitator putera MTD terhadap peserta. iii. Putera MTD adalah fasilitator tentang teknik menjawab soalan, kaedah belajar dan teknik mengingat berpandu Modul Eksplorasi. iv. Kaedah perbincangan adalah secara satu sama satu iaitu seorang murid MTD yang menjadi fasilitator kepada seorang peserta jempunan dalam kumpulan. Ini bermakna terdapat empat kumpulan kecil dalam setiap kumpulan. Pembelajaran koperatif 1 + 1 + 4 + 8 membolehkan setiap peserta berperanan secara aktif. 	Dewan Tun Templer, MTD
	<p>5.3 Aktiviti Pasca Program Eksplorasi Sejarah</p> <p>5.3.1 Membuat refleksi dapatan baru dalam Program Eksplorasi seperti teknik belajar, teknik mengingat dan teknik membuat nota yang dicetuskan semasa bengkel dalam kumpulan.</p> <p>5.3.2 Merekod teknik baru yang ditemui dalam Modul Eksplorasi.</p> <p>5.3.3 Melaksanakan aktiviti pengukuhan berterusan dalam kumpulan yang sama dengan modul yang sama menjelang Program Eksplorasi seterusnya.</p>	

Tentatif Program

Tarikh : 14 dan 15 Julai 2010
 Masa : 8.00 pagi hingga 4.30 petang
 Tempat : Dewan Tun Templer, MTD

Masa	Aktiviti
7.30 pg	Putera MTD dan murid terlibat mengambil tempat dalam kumpulan
8.00 pg	- Taklimat program Pn. Masariah Mispari - Perasmian program oleh Pegawai Pendidikan JPWPKL / Pengarah Pengajian MTD
8.20 pg	Ceramah fokus SPM 2010 oleh Pn. Masariah Mispari
8.50 pg	Ceramah teknik menjawab oleh Mahendan a/l Tholasy
9.30 pg	Bengkel dalam kumpulan 1
10.30 pg	Kudapan
11.00 pg	Bengkel dalam kumpulan 2
12.45 tgh	Makan tengah hari
2.00 ptg	Bengkel dalam Kumpulan 3
4.30ptg	Bersurai

6.0 ANJURAN

Penganjuran program ini adalah di bawah kendalian MTD, MGC Sejarah JPWPKL dengan kerjasama PPD Zon Bangsar-Pudu.

7.0 ANGGARAN PERBELANJAAN

Anggaran perbelanjaan bagi pelaksanaan Program Lesson Study adalah seperti berikut:

Bil	Perkara	Harga Seunit	Kuantiti	Jumlah
1.	Makan minum Mesyuarat MGC Sejarah JPWPKL	10.00	10 orang x 2 hari	160.00
2.	Bahan Mesyuarat (Kertas A4, Bahan Modul, pelbagai)	100.00	-	100.00
3.	Makan Minum Murid <ul style="list-style-type: none"> • kuih dua jenis • Air teh 'o' • nasi ayam • air mineral 	6.00	216 putera MTD x 2 hari	2592.00
		6.00	216 murid zon Pudu-Bangsar	1296.00
		6.00	216 murid zon Sentul-Keramat	1296.00
4.	Makan Minum Guru <ul style="list-style-type: none"> • Kuih dua jenis • Nasi ayam • Air teh 'o' • Air mineral 	8.00	101 guru pengiring	808.00
		8.00	15 GC dan JU	120.00
<i>Jumlah Perbelanjaan</i>				RM6372.00

8.0 SUMBER KEWANGAN

Memohon kepada Pejabat Pelajaran Daerah Pudu – Bangsar bagi pembiayaan makanan untuk guru pengiring dan fasilitator GC dan JU Sejarah sebanyak RM928.00. Manakala peserta sekolah dikenakan bayaran makanan sebanyak RM 6.00 seorang dengan menggunakan peruntukkan PCG mata pelajaran.

9.0 AHLI JAWATANKUASA

Penaung	:	Timbalan Pengarah Pelajaran Pejabat Pelajaran Bangsar-Pudu
Penasihat	:	En. Mohamad Fauzi bin Yunus Penolong Pegawai Pelajaran Kanan Unit Pengurusan Akademik Pejabat Pelajaran Bangsar-Pudu
Pengerusi	:	Pn. Masariah binti Mispari
ketua Penyelaras	:	En. Mahendan a/l Tholasy
Setiausaha	:	Majer (B) Zainal Abdul kadir
Buku Program	:	Pn. Irma Rahayu Ibrahim
Fasilitator	:	En. Loganathan a/l S. Tarmalingam En. Sohaidie bin Mohd Zain En. Yatrizal Zam bin Zamzami En. Zuri Afizu bin Mat Jusoh Pn. Gian Kaur a/p Harjit Singh Pn. Norhayati binti Mat Zain

10.0 PENUTUP

Adalah diharapkan Program Eksplorasi Sejarah ini mampu menjana peningkatan penguasaan murid-murid sekolah JPWPKL terhadap matapelajaran ini. Selain itu dapat mencetus penemuan baru dalam kaedah belajar cara belajar Sejarah yang lebih efektif dan menyeronokkan. Semoga kemahiran teknik menjawab soalan yang dikongsi bersama melalui program ini akan membantu meningkatkan keputusan peperiksaan SPM Sejarah JPWPKL pada tahun 2010.

11.0 ULASAN



Disediakan oleh,

(MASARIAH BINTI MISPARI)

Pengerusi

Majlis Guru Cemerlang Sejarah

Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur